

**SELAMAT HARI JADI...** Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali semalam menyambut hari jadi mereka yang ke-79 secara serentak di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

Semalam ialah hari jadi Dr. Siti Hasmah manakala hari jadi Dr. Mahathir ialah pada 10 Julai lepas.

Pada majlis itu, Dr. Siti Hasmah menunjukkan bakatnya bermain organ sambil mengalunkan lagu yang dipopularkan oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, *Getaran Jiwa* bersama-sama Dr. Mahathir.

• DR. MAHATHIR Mohamad dan tetamu bertepuk tangan sambil memerhatikan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali bermain organ pada majlis hari jadi mereka di Putrajaya, semalam. — Gambar BERNAMA